



Semua ketawa riang

SEMUA tertawa riang, termasuk Pengerusi. Mungkin ada sesuatu yang menggelikan hati mereka. Begitulah keadaan ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO di Perhimpunan Agung UMNO ketika mendengar ucapan 'hentam menghentam' yang melucukan dari para perwakilan perhimpunan itu.

No. Siri 6689
No. Penerimaan 1006/86

Tahniah Mahathir kepada Anwar, Aishah

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengucapkan setinggi tahniah kepada Ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita yang dipilih semalam serta berharap mereka yang tewas akan terus berjuang mengukuhkan UMNO.

Katanya, Perhimpunan Pemuda dan Wanita telah melaksanakan tanggungjawab mereka meneruskan proses demokrasi melalui pemilihan pucuk pimpinannya.

Enok Anwar Ibrahim dipilih sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO manakala Datin Paduka Hajah Aishah Ghani mengekalkan jawatannya.

Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO mengingatkan bahawa kalah menang dalam satu-satu pertandingan hanyalah dari kacamata individu sahaja, tetapi dari segi perjuangan parti semuanya menang.

"Ingatlah bahawa menang dan tewas itu ialah persepsi dari sudut individu, tetapi dari sudut prinsip perjuangan parti, tidak ada yang tewas kerana perjuangan kita ialah perjuangan yang satu."

"Perjuangan kita untuk mengukuhkan UMNO supaya dapat memainkan peranannya sebagai parti yang memelihara dan mendukung kepentingan bangsa, agama dan negara".